

PENGARUH MEDIA MASSA DALAM KONTEKS SENI GAYA SUREALISME

MOHD ASRUL SANI BIN NORDIN

Tesis ini dikemukakan untuk memenuhi sebahagian daripada syarat penganugerahan Ijazah
Sarjana Muda Teknologi Kreatif Dengan Kepujian.

UNIVERSITI
MALAYSIA
FAKULTI TEKNOLOGI KREATIF DAN WARISAN
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN
2020

Penghargaan

Assalamualaikum, pertama sekali saya ingin mengucapkan syukur saya kepada Allah Yang Maha Esa kerana memberkati saya sehingga berjaya menyiapkan penyelidikan ini dengan jayanya. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada penyelia saya iaitu Dr Yuhanis bin Ibrahim yang banyak membantu memberi nasihat dan tunjuk ajar kepada saya di dalam menyiapkan penyelidikan ini. Segala ilmu yang dicurahkan oleh beliau amat saya hargai.

Seterusnya, saya ini mengucapkan terima kasih kepada rakan-rakan jurusan saya kerana membantu sedikit sebanyak dalam menyiapkan kajian ini. Ilmu yang dikongsi bersama akan dimanfaatkan oleh saya di masa akan datang dan juga bagi meneruskan legasi seni halus di Malaysia serta berbakti kepada masyarakat dan negara.

Akhir sekali, saya ini mengucapkan ribuan terima kasih kepada keluarga saya kerana tidak jemu menyokong saya dari belakang tanpa sokongan daripada keluarga saya tidak akan mampu untuk menyelesaikan tugas ini. Oleh itu, saya berharap kajian yang saya lakukan ini akan memberi manfaat dan inspirasi kepada pengkaji yang akan datang.

Abstrak

**Tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Malaysia Kelantan sebagai
memenuhi keperluan Ijazah Sarjana Muda Teknologi Kreatif (Seni Halus) dengan
Kepujian**

Pengaruh Media Massa Dalam Konteks Seni Catan Surrealisme Di Malaysia

MOHD ASRUL SANI BIN NORDIN

2020

Penyelia Utama : Yuhanis Bin Ibrahim, Ph.D

Fakulti : Fakulti Teknologi Kreatif Dan Warisan

Pengaruh media massa amat meluas dalam kalangan masyarakat dunia pada ketika ini. Banyak isu dapat diketengahkan melalui kaedah komunikasi tersebut dan ia mampu memberi impak positif kepada manusia keseluruhannya namun ia jugak boleh menyebabkan berlaku pelbagai risiko yang boleh mengugat keharmonian dan nilai murni seseorang jika dimanfaatkan dengan cara yang salah. Artis tempatan khususnya memulakan langkah dengan mengangkat isu media massa sebagai pentas untuk menceritakan perkara yang berlaku tidak kira baik maupun buruk sesebuah permasalahan tersebut namun aliran surreal menjadi pilihan agar maksud yang hendak disampaikan mampu difahami oleh sesetengah pihak yang betul memahami realiti dunia pada masa ini.

Kata kunci: Surrealisme, Media massa, Kritikan sosial, Kritikan Feldman.

Abstract

Thesis submitted to the Senate of Universiti Malaysia Kelantan in fulfilment the requirements of the Bachelor of Creative Technology (Fine Arts) with Honors

The Influence of Mass Media in the Context of the Art of Surrealism in Malaysia

MOHD ASRUL SANI BIN NORDIN

2020

Principal Supervisor: Yuhanis Bin Ibrahim, Ph.D.

Faculty: Faculty of Creative Technology and Heritage

The influence of the mass media is very widespread in the world community on this compilation. Many issues can be highlighted through these methods of communication and it is able to give a positive impact to human beings as a whole but it can also cause various forms that can threaten the harmony and noble values of a person if used in the wrong way. Artists who are always there are steps by raising the issue of mass media as a stage to tell the story of what happens no matter how good or bad a problem is the flow is definitely an option so that the meaning provided can be understood by some right people using world reality today.

Keywords: Surrealism, Mass media, Social criticsm, Feldman criticism.

ISI KANDUNGAN

BAB 1

Pendahuluan

1.0 Pengenalan.....	1-2
1.1 Penyataan Masalah Kajian.....	3-6
1.2 Objektif Kajian.....	7
1.3 Persoalan Kajian.....	8
1.4 Skop Kajian.....	9
1.5 Tujuan Penyelidikan.....	10
1.6 Manfaat Kajian.....	11
1.7 Definisi Istilah.....	12-14

BAB 2

Kajian Pustaka

2.0 Pengenalan.....	15
2.1 Surrealisme.....	15-23
2.2 Surrealisme di Malaysia.....	24-25
2.3 Media Massa.....	26-28
2.4 Artis yang mengangkat isu Media Massa.....	28-34
2.5 Kritikan Sosial.....	35
2.6 Kritikan Feldmen.....	36
2.7 Artis Rujukan.....	37-38

BAB 3**Metodologi**

3.0 Pengenalan.....	39
3.1 Reka Bentuk Kajian.....	39
3.2 Sumber Data.....	39-40
3.3 Proses Kajian.....	41

BAB 4**Dapatan Kajian**

4.1 Pengenalan.....	44
4.2 Pendekatan Kritikan Seni; Teori Kritikan Feldman.....	44-45
4.3 Data Kajian.....	46-57
4.4 Penghasilan Karya Akhir daripada Sumber Kajian.....	58-61

BAB 5**Kesimpulan**

Kesimpulan.....	62
-----------------	----



UNIVERSITI

MALAYSIA

KELANTAN


BAB 1:**PENDAHULUAN****1.0 Pengenalan**

Tajuk kajian yang dipilih ialah “*Pengaruh Media Massa Dalam Konteks Seni Gaya Surrealisme*”. Sebagai mahasiswa dari elektif seni halus Universiti Malaysia Kelantan, pengkaji terpanggil untuk memilih tajuk ini sebagai kajian kerana ia berkait rapat dengan jurusan yang di ambil.

Tujuan pemilihan tajuk tersebut bagi menyelami dunia aliran surrealisme dimana pengkaji amat meminati terhadap karya-karya berunsurkan aneh dan pelik, dan juga bagi tujuan menambah ilmu pengatahuan serta mengembangkan teknik dan mencari kaedah yang baharu. Selain itu, kajian itu juga bertujuan memberi pendedahan kepada masyarakat mengenai kajian ini dengan lebih formal dan terperinci. Pemilihan tajuk ini bagi mengkaji dan menganalisis karya seni catan yang mempunyai pengaruh media massa dalam karya yang telah dihasilkan oleh karyawan. Pengkarya ingin menganalisis isu yang dibangkitkan di dalam setiap karya tersebut dan menghuraikan maksud yang tersirat dan tersurat. Medium surrealisme dipercayai digunakan bagi menarik minat serta manampakan sesuatu karya tersebut kelihatan lebih luar kebiasaan. Bagi menjawab teka-teki tersebut. Dengan itu, pengkaji mengambil langkah untuk memilih tajuk kajian ini kerana amat relevan dimana ia, akan memberi impak kepada pembaca dan pengkaji yang akan datang, dengan itu sekurang-kurangnya dapat menambah ilmu dan memperbanyak maklumat berkaitan tajuk tersebut.

Akhir sekali, kajian ini dilakukan bagi mendapatkan info maklumat secara lebih mendalam dan juga sebagai sumber ilmu untuk meningkatkan pemikiran dan pemahaman pengkaji

terhadap dunia semasa. Banyak ilmu akan dapat diperoleh apabila melakukan penyelidikan ini, karyawan menjadikan isu atau permasalahan sosial sebagai teras untuk menghasilkan karya tidak kira dari segi penyampaian sesuatu karya. Isu media massa bukan asing lagi bagi sesetangah artis, ramai pelukis menggunakan isu tersebut sebagai platform untuk mengkritik atau menyidir sesetangah pihak tanpa perlu berdebat atau berbicara. Melalui kaedah ini setiap maksud yang hendak dikatakan mampu menyampai kepada mereka dengan lebih berkesan.



UNIVERSITI
—
MALAYSIA
—
KELANTAN

1.1 Penyataan masalah kajian

Surrealisme merupakan suatu gerakan yang dibawa oleh golongan karyawan puisi pada tahun 20-an bagi menyebarkan fahaman filosofi mereka. Andre Breton merupakan tokoh awal yang menjayakan gerakan tersebut, fahaman beliau telah dapat mempengaruhi seniman dan pelukis pada waktu itu. Seterusnya, fahaman atau teknik penyampaian melalui surrealists secara tidak langsung diserap ke dalam aliran seni halus, dengan itu wujud golongan yang menjadi pulapor dan perjuang di dalam seni surrealists yang bermula dari Paris dan berkembang ke serata dunia.

Terdapat banyak isu yang diketengahkan oleh artis-artis untuk disampaikan kepada audien. Dengan itu unsur surrealisme dipilih kerana ciri-ciri aneh, dibawah kesedaran, dan tidak biasa dibandingkan sifatnya di dunia nyata. Tokoh seperti Rene Magritte, Frida Khalo, Salvado Dali, Ahmad Fuad Osman, Haris Abadi, Adeputra Masri dan Shafiq Nordin merupakan karyawan yang berjaya membawa isu mereka dengan begitu baik, dengan menjadikan isu berbangkit sebagai medium kritikan sosial atau pandangan bagi menceritakan keadaan semasa di dalam kehidupan seharian. Oleh itu, pengkaji memilih isu pengaruh media massa di dalam karya artis tempatan bagi tujuan merungkaikan maksud yang ingin disampaikan dengan menggunakan teori kritikan feldmen sebagai kaedah menganalisis.

Pada era moden ini, media massa memainkan peranan penting dalam komunikasi manusia di serata dunia. Perkembangan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) menyebabkan ia dapat dilakukan dengan pantas dan cekap. Media massa tersebar melalui teknologi komunikasi dengan menggunakan media cetak atau media elektronik sebangai terasnya, dimana maklumat akan dipaparkan pada laman sesawang, radio, televisyen, majalah, surat khabar dengan bantuan teknologi gadget atau tradisional. Pengaruh media massa amat penting pada ketika ini dimana sesuatu keadaan dapat diubah melalui paparan maklumat pada platform tersebut ia boleh menyebabkan kesan baik mahupun buruk bergantung kepada maklumat yang disampaikan.

Penggunaan laman sesawang di mana media sosial memainkan peranan penting dalam komunikasi pada masa kini dalam menyebarkan maklumat, disebabkan itu pengkaji berminat untuk menyelidik perkara yang berlaku pada masa ini. Mengikut pemerhatian pengkaji penggunaan teknologi ICT tersebut seiring waktu telah dimonopoli oleh segelintir pihak yang berkepentingan sehingga menyebabkan berlaku ketirisan, penipuan dan manipulasi menyebabkan media massa atau khususnya media sosial kurang selamat untuk digunakan berdasarkan kepada isu-isu yang berlaku.



Rajah 1.1: Keratan akhbar yang diambil daripada Berita harian pada tarikh 27 Disember 2019 berkenaan masalah yang berlaku akibat penggunaan teknologi maklumat.



Rajah 1.2: Keratan akhbar yang diambil daripada berita harian pada tarikh 20 November 2020 berkenaan kesan penyalahgunaan media komunikasi (media sosial) sebagai senjata menyebarkan perkara negatif.

Merujuk kepada rajah 1.1 dan rajah 1.2, perkembangan teknologi membuktikan mampu memberi kesan sosial kepada pengguna yang obses atau kurang pengetahuan terhadapnya sehingga mampu mengubah nilai murni seseorang tersebut dan bukan itu sahaja terdapat juga masalah yang berlaku seperti penipuan, buli siber, penyebaran maklumat palsu, fitnah, ugutan, dan lain-lain. Disebabkan itu, seniman atau karyawan mengambil inisiatif bagi mengkritik, menyindir atau memberi pandangan terhadap apa-apa isu sosial yang berlaku melalui platform seni halus supaya masyarakat dapat memahami keadaan tersebut.

Secara keseluruhannya, pengkaji akan menganalisis karya-karya yang dihasilkan oleh seniman tempatan iaitu Adeputra Masri, Ahmad Fuad Osman, Gatot Idrrajati, dan Pawel Kuczynski berkenaan isu yang terdapat pada media massa tidak kira berkaitan kehidupan

masyarakat, politik, isu semasa, hiburan, global atau sebagainya, berdasarkan pandangan beliau dengan menggunakan teori kritikan Feldmen sebagai satu kaedah analisis. Akhir sekali, menjadikan rumusan daripada penyelidikan tersebut untuk mencipta karya yang mempunyai pengaruh yang sama namun menggunakan cara dan makna penyampaian yang tersendiri dalam penghasilan gaya aliran surrealisme.



1.2 Objektif kajian

Pengkaji rasa terpanggil untuk melakukan kajian ini adalah untuk mencapai objektif-objektif berikut :

- 1) Mengenalpasti unsur pengaruh media massa dalam karya seni gaya surrealisme.
- 2) Menganalisis karya-karya catan surrealisme yang memperlihatkan unsur pengaruh media massa di dalam karya mereka.
- 3) Menghasilkan karya yang mempunyai pengaruh media massa di dalam gaya aliran surrealisme.

1.3 Persoalan kajian

Berpandukan objektif soalan, pengkaji merumuskan beberapa masalah kajian yang membawa kepada persoalan seperti berikut :

- 1) Apakah cara mengetahui unsur pengaruh media massa dalam karya seni gaya surrealisme?
- 2) Bagaimanakah cara untuk menganalisis karya-karya catan surrealisme yang memperlihatkan unsur pengaruh media massa di dalam karya mereka?
- 3) Bagaimanakah cara menghasilkan karya yang mempunyai pengaruh media massa di dalam seni surrealisme?

1.4 Skop kajian

Kajian yang dilakukan ini memfokuskan kepada karya surealis artis terpilih sahaja iaitu Adeputra Masri, Ahmad Fuad Osman, Pawel Kuczynski, dan Gatot Andrajati. Dimana terdapat karya mereka dihasilkan atas pengaruh isu daripada media massa. Bagi tujuan itu, analisis secara mendalam akan pengkaji lakukan bagi memperoleh maklumat yang berkaitan sekaligus mencapai objektif dan persoalan kajian. Oleh hal yang demikian, kajian ini akan menilai, menganalisis serta menghuraikan lima karyanya untuk mempengaruhi atau sebagai inspirasi penciptaan karya pengkaji di masa akan datang menggunakan gaya dan makna yang tersendiri.

UNIVERSITI
—
MALAYSIA
—
KELANTAN

1.5 Tujuan penyelidikan

Tujuan pengkaji melakukan penyelidikan terhadap tajuk yang dipilih adalah untuk mendapatkan data dan juga maklumat yang lebih jelas terhadap isu dibawa oleh karyawan negara yang dipengaruhi unsur media massa di dalam karya surealisnya.

Kedua, tujuan penyelidikan ini dibuat agar dapat mencapai objektif kajian dimana hasil daripada data terkumpul akan dianalisa dan mencapai keputusan dalam menghasilkan lukisan surrealisme yang mempunyai motif media massa di atas karya seni.

Ketiga, bagi menyelidik kesan perkembangan media massa pada masa kini yang mampu memberi impak kepada penggunanya.

Oleh itu, pengkaji memerlukan data serta maklumat yang mencukupi bagi mencapai objektif kajian. Akhir sekali, mendapatkan rumusan bagi menghasilkan karya yang mempunyai pengaruh media massa ke atas seni surealis.

UNIVERSITI
KELANTAN

1.6 Manfaat kajian

Kajian ini penting kerana dapat memberi manfaat kepada ramai pihak khususnya kepada perkembangan seni halus di Malaysia. Antaranya memberi manfaat kepada pelajar seni, masyarakat, dan negara. Banyak maklumat berkaitan kajian ini dapat diambil sebagai ilmu baharu untuk di pelajari.

Pertama memberi manfaat kepada pelajar seni. Dimana mereka dapat menambah ilmu tentang aliran surrealisme serta info berkaitan tajuk kajian. Hal ini kerana, banyak info dan maklumat penting serta terperinci berada dalam penyelidikan ini. Oleh itu, ia mampu memberi sedikit sebanyak maklumat berkaitan jurusan mereka. Contohnya, maklumat berkaitan media massa dan surrealisme dapat dibaca dan diambil tahu, secara tidak langsung ia dapat memudahkan pelajar seni dalam mencari maklumat yang tepat.

Seterusnya, memberi manfaat kepada masyarakat. Hal ini merujuk kepada kajian terhadap subjek matter iaitu media massa. Bagi sesiapa yang mencari maklumat berkaitan itu, mereka dapat memperoleh info-info yang terbaru serta boleh dipercayai. Oleh itu, amat penting sekali kajian ini dilakukan.

Akhir sekali, memberi kebaikan kepada negara. Hal ini merujuk kepada perkembangan seni halus di Malaysia pada era moden. Kekurangan maklumat berkaitan tajuk kajian ini di dalam buku mahupun laman sesawang menyebabkan kurangnya warna warni dalam dunia seni di negara ini. Oleh itu, dengan adanya kajian ini maka dapat menambah sekurang-kurangannya satu koleksi berkaitan jurusan seni halus dan juga dapat membantu kajian sedia ada tentang Aliran surrealisme berunsurkan media massa ke atas seni catan.

1.7 Definisi istilah

Dalam kajian ini, beberapa istilah yang digunakan didefinsikan seperti berikut dan mengikuti format Creswell (1994). Istilah ini juga diterampilkkan maksud berkaitan kajian ini agar pembaca lebih mudah memahami maksud sebenar istilah yang ada.

1.5.1 Penghasilan merujuk kepada usaha atau kegiatan mencipta atau mengeluarkan. Di dalam konteks seni, penghasilan merujuk kepada penciptaan. Contohnya, proses menghasilkan (penciptaan) karya bermotifkan surrealism mengambil masa yang agak lama.

1.5.2 Berunsur merujuk kepada tanda-tanda atau elemen. Di dalam konteks seni, unsur ini merujuk kepada elemen yang diserapi atau digunakan di dalam sesuatu karya. Contohnya, tajuk di dalam kajian ini mempunyai unsur aliran surrealisme. Penggunaan perkataan itu sering di lihat dalam sesuatu karangan berkaitan bidang seni.

1.5.3 Surrealisme merujuk kepada salah satu aliran di dalam seni halus. Surrealisme merupakan satu aliran atau gerakan yang diguna pada awal tahun 20-an. Aliran ini sering digunakan di dalam karya seni catatan. Bercirikan lukisan pelik dan aneh daripada sifat nyata sehingga menyebabkan audien tertanya-tanya berkenaan maksud lukisan tersebut.

1.5.4 Aliran umumnya merujuk kepada gerakan atau mengalir seperti gerakan tenaga elektrik, gerakan air sungai, ini merujuk kepada “aliran”. Dalam konteks seni, aliran ialah suatu gerakan yang dibawa untuk diaplikasikan kedalam karya/lukisan dengan menggunakan unsur-unsur yang dicipta semasa berlaku krisis seperti realisme, pop art dan lain-lain. Aliran atau gerakan itu dicipta bagi menyebarkan fahaman filosofi semasa berlaku krisis terhadap masyarakat atau negara.

1.5.5 Aneh merujuk kepada janggal, ganjil, atau pelik, kepada sesuatu yang tidak seperti biasa dilihat. Menimbulkan rasa hairan terhadap sesuatu yang tidak dalam keadaan kebiasaan. Dalam konteks seni halus ini merujuk kepada keaneh sifat yang terdapat di dalam unsur karya surrealisme. Ini membuatkan pemerhati berasa hairan terhadap penghasilannya.

1.5.6 gadget merujuk kepada ‘teknologi kecil’ atau ‘peralatan elektronik’ menggunakan ‘teknologi canggih’ yang digunakan dalam kehidupan sehari-hari manusia. Contohnya, telefon pintar. Di dalam konteks kajian, ia merujuk kepada teknologi seperti telefon atau komputer riba yang digunakan di luar kawalan atau secara berlebihan secara tidak langsung memberi impak kepada penggunanya.

1.5.7 Separuh sedar merujuk kepada apa yang dikatakan ‘lapisan’ atau ‘tahap’ proses pemikiran yang terletak ‘dibawah’ kesedaran. Di dalam konteks kajian, ia merujuk kepada kebolehan pengkarya atau artis untuk mengambil ilham berdasarkan imej dibawah kesedarannya. Imej yang digambarkan itu, sering kali berbeza dengan bentuk asal di dunia nyata. Contohnya, kuda bersayap.

1.5.8 Khayalan merujuk kepada apa-apa ‘dikhayalkan’, angan-angan, lamunan, serta fantasi. Di dalam konteks kajian, ia merujuk kepada imej dari dunia ‘khayalan’ pengkarya yang ingin diwujudkan di dalam lukisannya. Imej tersebut mungkin gabungan dari bentuk asal dengan bentuk dari objek atau sesuatu yang lain hingga tidak tampak seperti kenyataan lagi.

1.5.9 Catan merujuk kepada perbuatan ‘meletak bahan berwarna atau cat yang disapukan di atas permukaan yang rata’ seperti kanvas, kertas atau dinding. Catan dihasilkan menggunakan pelbagai teknik ia dinamakan ‘teknik catan’. Contohnya, teknik basah atas kering, teknik basah atas basah dan lain-lain. Di dalam konteks kajian, ia merujuk kepada proses menghasilkan atau mencipta dengan menggunakan warna-warna yang membentuk gambaran subjek utama berunsurkan surealis di atas kanvas.

1.5.10 Obses merujuk kepada perbuatan atau kelakuan (sifat) yang melebih-lebih ‘gila’ terhadap sesuatu perkara. Keadaan dimana individu menjadi tergila-gila terhadap sesuatu dan ini akan menimbulkan kesan baik atau buruk bergantung kepada perkara yang di gilainya. Contohnya, Aiman kerap bermain permainan video sehingga tidak mahu makan. Di dalam konteks kajian, obses diistilah sebagai kelakuan remaja terlaku kerap bermain gadget sehingga memberi impak atau kesan buruk terhadap diri individu dan masyarakat.

1.5.11 Dunia maya merujuk kepada media elektronik dalam rangkaian komputer yang digunakan secara meluas untuk tujuan komunikasi sebaliknya atau timbal balik secara atas talian (dihubungkan secara langsung). Dunia maya ini adalah penyatuan pelbagai peralatan teknologi komunikasi dan rangkaian komputer (sensor, sambungan, pemproses, isyarat, pengawal) yang dapat menghubungkan peralatan komunikasi (komputer, telefon bimbit, alat elektronik dan lain-lain) yang tersebar ke seluruh pelusuk dunia. (Wikipedia 2013)

1.2.12 Globalisasi merujuk kepada zaman dunia tanpa sempadan iaitu penggunaan peralatan teknologi dalam mengakses segala maklumat di seluruh pelusuk dunia tanpa perlu menggunakan kaedah tradisional (kiriman surat).

BAB 2

KAJIAN PUSTAKA

2.0 Pengenalan

Bahagian ini merupakan maklumat berkaitan sejarah mengikut isi yang terdapat dalam tajuk kajian. Ia membincangkan beberapa perkara yang berkaitan surrealisme, subjek utama, dan teori yang berkaitan.

2.1 Surrealisme

Surrealisme adalah suatu aliran yang terdapat dalam seni rupa. Muncul pada tahun 1920an sebagai satu gerakan budaya di barat yang dibawa oleh seniman dan penulis puisi untuk menaikan semangat masyarakat serta mengkritik penindasan dan dasar berat sebelah kerajaan pada masa perang dunia II. Andre Breton merupakan tokoh yang memperkenalnya. Menurut beliau, “*surrealisme mempunyai keistimewaan filosofinya dan berada di atas segala revolusi gerakan.*” (Amran 2003) Kenyataan tersebut diperkuuhkan lagi apabila terlahir ramai artis seni rupa yang menggunakan aliran itu sebagai unsur di dalam setiap karya mereka dan berjaya mengembangkannya menggunakan subjek utama tersendiri.

Surrealisme merupakan gerakan budaya yang berkembang pada awal tahun 1920-an, dan menjadi terkenal kerana karya-karya seni visual dan tulisan para anggota kumpulan berdasarkan gambaran mereka di dalam mimpi dan keadaan separa sedar. Antara tokoh dunia yang menjadi pelopor di dalam aliran ini ialah Salvador Dali, Frida Khalo, Rene Magritte, Pablo Picasso, Max Ernst, Joan Miro, Leorora Caringgton, Man ray dan lain-lain. Setiap pengkarya mempunyai gaya dan kepentingan tersendiri dalam mana-mana aliran,

mereka menggunakan subjek utama mengikut minat dan keterujaan apabila melakukanya (Amran 2003).

Subjek matter atau subjek utama di istilah dalam seni halus sebagai sesuatu yang diketengahkan sebagai watak utama di dalam karya. Ia boleh dirujuk kepada sesuatu seperti objek benda, alam flora, fauna, figura dan lain-lain, bergantung kepada idea mereka. Sebelum pengkaji memilih tajuk “*Pengaruh Media Massa Dalam Konteks Seni Catan Surrealisme Di Malaysia*”.

Ciri-ciri karya surrealisme:-

- 1) Lukisan akan terlihat seperti khayalan
- 2) Objek yang nyata terlihat aneh.
- 3) Boleh dengan mengambungkan lebih dari satu objek.
- 4) Karya memperlihatkan emosi yang misteri dan mengerikan.
- 5) Membawa maksud yang mendalam atau kritikan sosial.



Not to Be Reproduced (1937)

Oleh René Magritte

Medium : Oil Paint

Saiz : 81.3 cm x 65 cm

The Burning Giraffe (1937)

Oleh Salvador dali

Medium : Oil Paint

Saiz : 35 cm x27 cm



The Persistence of Memory
(1934)
Oleh Salvador dali
Medium : Oil on Paint
Saiz : 24 cm x 33 cm



Fantasi dalam perspektif getah
(1975)
Oleh Mohd Shaimy Hashim
Medium : Oil Paint

2.1.1 Tokoh dari barat

Bahagian ini, mengandungi maklumat berkaitan artis yang mempunyai hubungkait dalam aliran surealis. Mereka merupakan tokoh-tokoh surealis yang terkenal pada zamannya. Maklumat tersebut berkaitan Latar belakang dan sumbangannya terhadap dunia seni halus dan juga kepada aliran surrealisme khususnya, selain itu pengkaji telah membuat analisis terhadap karya surrealisme yang dihasilkan oleh tokoh-tokoh tersebut bagi memahami subjek utama yang dibawa.

MALAYSIA
KELANTAN

2.1.2 Rene Magritte



Rene Francois Ghislain Magritte atau lebih dikenali Rene Magritte merupakan artis surrealisme asal Brussels, Belgia. Beliau lahir pada 21 november 1898 – 15 ogos 1967. Beliau dikenali kerana sebilangan karyanya memaksa para pemerhati berfikir di luar persepsi mereka tentang realiti. Seringkali menggambarkan objek-objek biasa dalam keadaan tak lazim, karyanya menjadi perhatian para meminat seni, mereka memuji sudut pandang berdasarkan kehidupan dan konsep khayalan yang dibawanya.

Latar belakang keluarga dan pendidikan

Rene Francois Ghislain Magritte atau lebih dikenali Rene Magritte merupakan artis surrealisme asal Brussels, Belgia. Beliau lahir pada 21 november 1898 – 15 ogos 1967, merupakan anak sulung daripada dua beradik lelaki yang dilahirkan oleh Leopold (1870-1928) dan Regina nee Bertinchamps (1871-1912). Keluarga rene hidup dalam keadaan sederhana dimana ayahnya berkerja sebagai tukang jahit bagi menyara hidup mereka. Latar belakang pendidikan rendah beliau dikatakan kurang memberansangkan setelah kematian ibunya pada umur 14 tahun.(ahmad 2019) Setelah itu, pada tahun 1916, rene Magritte telah mendaftar di *Academie des Beaux-Art di Brussels* semasa berlasungnya perang dunia pertama. Beliau mendapat

pendedahan tentang seni halus oleh rakan-rakan di akademik, di situ beliau mula berjinak-jinak dalam aliran cubism(20-an), futurism(20-an), dan purism(1918-1925).

Rene Magritte tertarik pada keberadaan kelas menengah dan hampir seluruh waktu hidupnya digunakan untuk berkerja dah mendapatkan duit untuk bertahan hidup. Beliau hidup dengan secara sederhana dan sering memakai topi jenis ‘bowler’.


Antara kata-kata beliau tentang seni :

“My paintings are ... visible images which conceal nothing; they evoke mystery and, indeed, when one sees one my pictures, one asks oneself// this simple question, ;what does that mean?’. It does not mean anything, because mystery means nothing either/, it is unknowable.” – rene Magritte

“For me, art is the means of evoking mystery ... the mystery is the supreme thing. It's reassuring to know that there's mystery ... to know that there is more than what one knows.” – rene Magritte.

UNIVERSITI
—
MALAYSIA
—
KELANTAN

Karya



Golconda, 1953 oleh Rene Magritte

Karya ini menggambarkan keadaan hujan manusia, dimana semua orang hampir sama antara satu sama lain dari segi pakaian, bentuk dan identiti. Walau bagaimanapun, boleh jadi lelaki-lelaki itu hanya terapung kerana tidak di indikasi gerakan tersirat. Latar belakangnya, adalah kawasan pinggiran kota yang hampir sama dengan kawasan tempat kediaman Rene Magritte, dan ia juga berpakaian dengan cara yang sama dengan orang-orang tersebut. Topi bowler adalah topi yang biasa dipakai oleh para kelas menengah pada masa itu.

Salah satu interpretasi atau tafsiran yang dapat dijelaskan adalah bahawa beliau ini menunjukkan garis batas antara individualis dan asosiasi atau kelompok yang telah hilang dan melarikan diri di masa moden. Semua lelaki berkenaan berpakaian sama, mempunyai bentuk badan yang sama dan terapung di kawasan yang sama. Kebebasan individu telah lama hilang, padahal hal ini merupakan salah satu dasar

kepada hak asasi manusia untuk mengekspresasikan dirinya sendiri mengikut kemahuannya.

2.1.3 Frida Khalo



Frida Kahlo biasanya menggunakan simbolisme visual dari rasa sakit fizikal yang dialaminya dalam usaha untuk lebih memahami penderitaan emosional. Sejak dari kecil Frida Kahlo mengalami sakit (Polio) menyebabkan kakinya tidak seimbang (besar sebelah). Hal ini menyebabkan separuh usia hidupnya dihabiskan di rumah sakit.

Frida Kahlo menggunakan bahasa kesakitan, penderitaan, kehilangan sebagai simbolisme terhadap penghasilan karyanya bagi menunjukkan penderitaannya dalam kehidupan. Dengan cara itu beliau memperluaskannya dengan membuat simbol sendiri.

Frida bukan sahaja dikategorikan sebagai seorang seniman malah menjadi tokoh kepada gerakan seni feminis. Beliau banyak membuat ikon-ikon khas sepanjang kerjayanya dengan menggunakan dirinya sebagai subjek untuk membahas aspek sikap, emosi, dan keperibadian wanita yang paling rumit sekalipun.

Tidak hanya diiktiraf sebagai seniman yang hebat, Frida Kahlo juga merupakan sosok yang banyak dikagumi melalui keperibadiannya yang unik. Potret beliau sendiri juga

menjadi sangat ikonik dengan ciri khas asli pada keping tebal yang bercamtum. Ia memiliki pengaruh besar bagi seniman lain. Sehingga saat ini, masih ramai seniman kontemporari menggunakan potret dirinya untuk dijadikan rujukan karya.

Karya



The wounded Deer, (1946) oleh Frida Khalo

Lukisan ini menghadirkan bentuk mutasi antara rusa dan seorang manusia (Frida) yang merupakan potret wajahnya sendiri. Ia menonjolkan dirinya sebagai sesuatu yang tidak berdaya dan terluka akibat kesan anak panah yang terdapat di sekitar tubuhnya. Nampaknya makluk tersebut sedang diburu di tengah hutan.

Jika dilihat pada lukisan ini, Frida ingin menegaskan bahawa beliau masih hidup, namun menderita akibat panah yang berada disekitar tubuhnya perlahan-lahan akan membunuhnya. Seolah-olah menyembunyikan keinginan untuk menjadi wanita biasa yang lainnya hidup lebih lama kerana penyakit yang dihidapi. Beliau juga kelihatan ingin hidup lebih bebas di alam terbuka.

Frida Khalo tidak menggambarkan dirinya sebagai rusa jantan dengan tanduk besar. Hal ini menunjukkan rasionalnya terhadap pemikiran feminism (keserataan jantina). Beliau sedar bahawa keadaan dunia seni yang selalu dikuasai oleh kaum lelaki, berbanding wanita. Beliau sedar dengan kebolehan wanita untuk bersaing dan mampun menandingi kaum lelaki.

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

2.2 Surrealisme di Malaysia

Aliran surrealisme dalam seni halus telah lama berkembang di Malaysia sejak penubuhan institut pendidikan pada tahun 1960-an secara formalnya. Namun sebelum mendapat pendedahan secara formal, terdapat beberapa karyawan awal yang memperjuangkan seni halus di Malaysia dengan terciptanya karya catan pada tahun 1930-40an. Antara tokoh-tokoh tersebut ialah Yong Mun Sen, Abdullah Ariff dan lain-lain. (Abby Piong 2012) Dengan tertubuhnya institut pengajian maka aliran atau gerakan budaya dari barat berkembang dan penyebar di negara ini.

Tokoh penting seperti Ahmad Fuad Osman, Haris Abadi, Shafiq Nordin, Adeputra Masri dan Mohd Shaimy Hashim merupakan salah seorang artis surealis. Mohd Shaimy Hashim merupakan pengurus Senika (Persatuan Seni Lukis dan Seni Reka Pahang). Beliau bertanggungjawab untuk memberi ilmunya kepada artis muda yang baru berjinak di dalam bidang ini. Beliau telah menghasilkan karya catan '*keranda dan mimpi dalam mimpi*' dengan menggunakan medium cat minyak dan karyanya itu dipamerkan di Balai Seni Lukis Negara.

Mengikut kaji selidik 2018 dan permerhatian, dilihat perkembangan aliran surrealisme di Malaysia masih dalam keadaan perlahan. Hal ini disebabkan kurangnya kesedaran masyarakat berkenaan nilai kesenian dan langkah untuk menghargainya. Kebanyakan masyarakat beralih pandangan selepas melihat karya yang membuatkan mereka tidak memahami maksud dan gambaran yang ditonjolkan. Oleh itu, institut pengajian pada masa ini berusaha keras melahirkan pelapis baru dalam bidang tersebut supaya mereka mampu menghasilkan karya menggunakan teknik atau kaedah baharu supaya dapat bersaing dan mengatasi artis-artis di luar negara.

Tokoh surealis Encik Mohd Shaimy Hasyim dilihat mengutarakan kritikan-kritikan sosial yang berlaku yang telah lama tersimpan didalam kotak pemikiran beliau seperti isu alam sekitar, Bahasa dan politik semasa. Di dalam 'Belum 1' 2007 dan 'Belum 3' 2007 merupakan cetusan rasa ketidakpuashatian beliau berkenaan penebangan hutan yang berlaku. Menurut beliau

ketamakan dan sifat mementingkan diri manusia menyebabkan kemuatan alam sekitar yang melindungi flora fauna khususnya haiwan terancam sekali gus merosakan khazanah negara dan juga merosakkan manfaat tumbuhan herba bagi merawat pelbagai penyakit secara tradisional tanpa mengira kepentingan alam sekitar kepada manusia. Oleh itu, beliau mencipta karya bagi menyindir kepada pihak yang berkaitan agar mereka membuka mata dan mengakhiri serta mencari solusi dari tindakan tersebut. (Faizal Sidik, 2014)



Rajah 2.2: Belum 3 (2017) , medium oil paint.

Kesimpulanya, aliran surealis digunakan sebagai satu cara untuk menyampaikan apa yang terpendam mahupun dirasai oleh pengkarya terhadap keadaan semasa. Melalui surealis mereka dapat meluahkan isi hati mereka dengan menyampaikan mesej dan kritikan secara tersirat dan tersurat kepada sosial masyarakat, politik dan sebagainya. Walaupun aliran surealis sukar untuk difahami berbanding aliran realistik, ia mampu memberi impak kepada audien apabila melihat secara minda terbuka dan berfikiran kritis.

2.3 Media Massa

Media massa merujuk kepada teknologi media yang bertujuan mencapai sejumlah besar pengguna media melalui komunikasi massa. Media massa dapat mencapai khayalak yang besar seperti penduduk sesebuah negara. Istilah ini diperkenalkan pada tahun 1920-an dengan kemajuan rakaian radio yang luas, dan surat khabar dan majalah yang diedarkan secara besar-besaran. Tetapi, beberapa bentuk media massa seperti buku dan manuskrip sudah digunakan sejak berkurun lamanya. Istilah media awam mempunyai makna yang sama ia jumlah keseluruhan pengedar awam besar bagi berita dan hiburan di seluruh media seperti surat khabar, televisyen, radio, penyiaran yang mungkin memerlukan keanggotaan persatuan dalam pasaran yang besar seperti newspaper Guild, AFRTRA dan penerbit teks.



Rajah 2.3: Media Massa adalah teras di dalam jaringan komunikasi dan maklumat.

Komunikasi melalui media masa dibantu dengan penggunaan teknologi dengan cara yang pelbagai. Media siaran seperti radio, rakaman muzik, filem, televisyen dan internet memancarkan maklumat mereka secara elektronik. Media cetak pula menggunakan objek fizikal seperti akhbar, buku, risalah, atau komik untuk menyebarkan maklumat mereka. Media luaran merupakan satu bentuk media massa yang terdiri dari papan iklan, tanda atau

kenyataan yang diletakkan di luar dan dalam bangunan perdagangan, stadium sukan, kedas dan bas. Media luaran lain termasuk papan tanda terbang (ditunda oleh kapal terbang), kapal udara, dan penulisan di langit. Ucapan umum dan perhimpunan diatur juga boleh dianggap sebagai media massa.

Media digital merangkumi kedua-dua komunikasi massa internet dan web muda alih. Pembekal media internet memberi banyak perkhidmatan media massa, seperti email, tapak web, blog, dan radio dan televisyen berdasarkan internet. Banyak saluran media massa lain memiliki kehadiran web, seperti memiliki iklan di TV yang memiliki pautan pada tapak web, atau menyebarkan Kod QR pada cetakan atau media luaran bagi memandu pengguna mobil ke laman web. Melalui cara ini, mereka boleh menggunakan capaian mudah yang dimiliki internet, dan penyebaran yang dibolehkan melalui internet, kerana maklumat boleh disiarkan dengan mudah pada banyak wilayah di dunia secara serentak. Organisasi yang mengawal teknologi ini turut dikenali sebagai media massa.



Rajah 2.3: Antara aplikasi yang dicipta bagi kegunaan seharian masyarakat moden.

Perkembangan teknologi ICT juga menyebabkan muncul idea untuk meningkatkan komunikasi kepada pengguna. Dengan itu, wujud aplikasi-aplikasi seperti *apps* sebagai perkhidmatan

alam maya bagi tujuan meningkatkan jaringan komunikasi serta memberi hiburan dan pengetahuan. Sebagai contoh, aplikasi permainan video, muzik, filem, mesej, kesihatan, dan lain-lain. Kini, dengan adanya aplikasi tersebut kehidupan masyarakat akan lebih mudah dan cepat.

2.4 Artis yang mengangkat isu media massa

Seni surrealisme telah banyak berkembang semenjak kemunculannya pada tahun 20-an. Pelbagai isu diketengahkan oleh pengkarya bagi menyampaikan sesuatu yang berada difikiran mereka untuk tontonan audien. Oleh itu, pengkaji telah mengenalpasti artis seni halus yang mengangkat isu pengaruh media massa sebagai konteks karya surealis mereka.

1) Adeputra Masri



Adeputra Masri atau lebih dikenali sebagai Adeputra dilahirkan di Johor pada 1970, sebelum beliau dikenali sebagai artis beliau merupakan seorang ahli kartunis dan illustrator yang terkenal. Beliau meminati falsafah kartunis iaitu Datuk Muhammad Nor bin Muhammad Khalid atau lebih dikenali Lat, dan ini menjadi pemangkin untuk beliau berhijrah ke Kuala Lumpur (KL) selepas menamatkan pengajian menengahnya pada tahun 1980-an, dari tahun 1990 hingga 1992 beliau cenderung untuk menghasilkan komik menerusi majalah humor

'Gelihati' dan membawa isu sosial melalui kartun editorial untuk Utusan Malaysia sehingga tahun 1995. "Saya suka memerhatikan masyarakat dan orang-orang, saya suka berfikir" kata Adeputra tentang kecenderungan semula jadi membuatkan beliau berasa puas terhadap pekerjaannya pada ketika itu. Dua buku ditulis oleh Adeputra semasa bertugas sebagai pengarang Misnan dan Sarip bagi komen sosial berjudul Poket Seorang Kutu Lepak pada tahun 1997. Namun bidang tersebut tidak mampu menampung keinginannya untuk mengembangkan idea dan fahaman beliau "Peluang saya untuk berkembang adalah terhad dalam komik kerana majalah terlalu mengfokuskan kepada humor, dan tidak diterima dengan baik", kata Adeputra. "Jadi saya mesti mencari platform yang lebih bermakna". Pada akhir tahun 1999, Adeputra mengadakan pameran solo pertamanya di Legend Hotel, Kuala Lumpur. (Saatchi 2015)

Adeputra yakin dengan dirinya, oleh itu beliau ingin menjadi seniman yang boleh belajar sendiri. "Sebelum ini, di Malaysia hanya seniman dengan pendidikan formal sahaja yang dapat menghasilkan karya yang matang, sementara selebihnya bergantung kepada kemahiran dan dibatasi olehnya, tidak dapat menghasilkan sesuatu yang inovatif" jelas beliau. Seterusnya beliau menyatakan "Saya tidak memiliki pendidikan formal, saya melalui seni untuk melepaskan diri dari tradisi dengan membuat karya-karya kontemporari. Mereka yang tidak memiliki pendidikan formal perlu berkerja lebih keras untuk bertahan dan sekarang saya melihat mereka bahkan dapat dengan berani melangkah ke hadapan. Beliau merupakan keturunan jawa yang hidup di bumi Malaysia secara turun temurun walaupun Adeputra dilihat tidak menyukai gaya tradisi beliau cenderung dengan gaya yang lebih moden namun beliau akur bahawa beliau tidak dapat lari dari budaya jawa oleh itu akar jawa menjadi falsafah hidupnya. (Saatchi 2015)

Oleh itu, bagi mengimbanginya falsafah dan keinginan beliau untuk melukis sesuatu yang moden berkenan isu sosial, beliau memasuki elemen jawa pada karya miliknya agar pengaruh dan identiti beliau sentiasa diingati. Jika dilihat daripada hasil karya surealis beliau, subjek yang hampir sama ditonjolkan bagi tujuan menyampaikan bahawa budaya yang wujud

sentiasa perlu dipelihara tanpa mengira zaman. “Ada kritikan mengatakan bahawa karya saya kelihatan seperti Indonesia tetapi apa yang saya lihat saya tidak dipengaruhi oleh luaran, melainkan dari akar umbi saya” kata Adeputra.

Kesimpulanya, seniman Adeputra tidak melupakan nilai tradisional mahupun identitinya tidak kira karya tersebut relevan atau tidak pada zaman yang serba canggih ini. Ketegasan yang ditunjukkan beliau perlu dipuji, menyebabkan beliau menjadi tokoh seni halus yang dihormati di Malaysia dan serantau. Oleh itu, pengkaji akan melakukan satu analisis bagi sebuah karya yang dihasilkan beliau yang bejudul ‘T1PU, 2017’ melalui kaedah kritikan Feldmen menghuraikan secara terperinci maksud sebenar berkenaan karya beliau.

2) Ahmad Fuad Osman



Ahmad Fuad Osman dilahirkan di Kedah, Malaysia pada tahun 1969 dan kini tinggal dan bekerja di antara Bali dan Kuala Lumpur. Beliau memiliki Ijazah Sarjana Muda dalam bidang seni rupa dari Universiti Teknologi MARA (UiTM), Shah Alam, Malaysia pada tahun 1991. Beliau cenderung menggunakan tema sosiopolitik seperti keperibadian politik, salahguna kuasa dan sejarah amnesia sebagai keutamaan didalam karya konseptual yang merangkumi cetakan, video, arca dan installasi. Beliau membuat sesuatu dengan bersungguh-sungguh dalam pekerjaan dimana beliau mengumpulkan serpihan bukti dan

naratif di dalam bentuk catatan sejarah, teks, dan arkib untuk membuka sesuatu kemungkinan yang ditulis oleh kanun yang telah ditetapkan.

Karya beliau telah ditunjukan dalam sejumlah pameran temasuk An Atlas of Mirrir, Singapore pada 2016-2017, Multiple Languages, Galeri Siverlens, Manila 2014 dan Selamat Datang di Rimba : Seni Kontemporari di Asia tenggara dari Koleksi Muzium Seni Singapura, Muzium Seni Yokohama, Jepun 2013. (Sharjah 2020)

Beliau kerap mendapat perhatian pengumpul karya dan pengkritik. Hal ini kerana, sebahagian karya miliknya menjadi koleksi di Galeri Seni Visual Negara, Kuala Lumpur; Galeri Petronas, Kuala Lumpur dan Muzium Seni Singapura. Hasil karya beliau yang bertajuk ‘Recollections of Long Lost Memories’ mendapat tempat pertama bagi Anugerah Pilihan Juri di Hadiah Seni Tandatangan APBF, Singapura pada tahun 2008. Kesimpulanya, beliau merupakan anatara individu yang sangat berjaya di dalam bidang ini. Pencapaian yang ditunjukan beliau menambahkan keterujaan dalam mengembangkan seni halus di Malaysia serta dirantau ini. Bagi mencapai objektif serta persoalan kajian salah satu karya beliau iaitu ‘study, 2009’ akan dianalisis bagi memahami maksud tersurat dan tersirat.

3) Gatot idrajati



Gatot idrajati merupakan artis seni halus kelahiran Indonesia. Beliau lahir di Bagor, Jawa Barat tetapi dibesarkan di Magelang iaitu salah satu kota besar di Jawa Tengah. Sejak remaja, Gatot sering meminati seni ukiran kayu dan beliau menghabiskan masa teruang untuk menciptakan permainan adiwira versinya yang tersendiri melalui seni ukiran kayu. Hal ini disebabkan beliau tidak mampu untuk membeli mainan berbentuk plastic mahupun logam kerana kehidupan keluarga yang sederhana. (Artemis 2020)

Apabila Gatot mencapai usia menengah, beliau melanjutkan pelajaran di Institut Kesenian Indonesia (ISI). Kayu menjadi medium utama untuk menghasilkan karya seni ukirnya. Karya seninya, tidak kira sama ada jenis patung, perkumpulan atau lukisan menunjukkan hubungkait beliau dan kayu. Gatot Indrajati merupakan satunya artis yang pernah memenangi anugerah UOB Painting of the Year sebanyak dua kali iaitu pertama kalinya pada tahun 2011 dan sekali lagi pada tahun 2016. Pencapaian beliau tidak berakhir disitu sahaja, karya yang dihasilkan beliau yang bertajuk Right or Wrong My Home telah dipilih untuk Lukisan Tahunan pada peringkat wilayah pada tahun tersebut (2016). (Artemis 2020)

Gambaranya mengenai mainan kayu di atas kanvas adalah kritikan masyarakat dengan memaparkan patung, dan mainan menjadi kiasan bagi mereka yang menjadi sandiwara orang lain, suatu fenomena yang wujud dalam masyarakat hari ini tetapi sering diakui. Karya-

karyanya memberikan ‘kehidupan kedua’ untuk permainan ini, dan juga menyediakan platform bagi Gatot untuk mengekspresasikan pendapatnya mengenai isu-isu yang beliau amati tentang masyarakat baik dari segi sosiologi atau ekologi.

Kesimpulanya, gatot merupakan artis seni halus Indonesia yang menggunakan unsur kayu pada setiap karyanya tidak kira dari bentuk lukisan maupun ukiran. Beliau menjadikan isu-isu sosial masyarakat sebagai sumber ilham bagi menyatakan pendapat dan pandangan dengan menyelit unsur sindiran dan jenaka. Beliau merupakan antara artis surealis yang hebat pada masa kini. (Artemis 2020) Oleh hal demikian, pengkaji mengambil keputusan akan menganalisis salah satu karyanya yang berjudul ‘Imaging, (2018)’ dengan menggunakan kaedah kritikan Feldmen bagi mendapat maksud tersurat dan tersirat.

4) Paweł Kuczynski



Paweł Kuczynski merupakan artis ilustrasi surealis dari Poland beliau lahir pada tahun 1976 di Szczecin. Beliau menamatkan pengajian di Fine Art Academy di Poznań dengan mengkhususkan dalam seni grafik. Sejak itu, beliau menggunakan kemahiran dan mengetahuannya untuk mencipta karya dengan menggunakan ilustrasi sindiran sejak tahun 2004.

Beliau mempunyai keperibadian atau kecenderungan untuk memerhati tingkah laku masyarakat, “Saya pemerhati, saya suka memerhatikan orang dan hubungan antara mereka. Saya hanya cuba mengatakan apa yang saya lihat”. Sifatnya itu ditonjolkan disetiap karya miliknya, dimana masalah sosial menjadi keutamaan pada setiap isu yang berlaku di

sekitarnya. "Saya tidak cuba mengubah apa-apa, tetapi saya gembira apabila orang menyukai karya saya dan apabila mereka menemui beberapa idea penting dan selepas ini mereka mula berfikir untuk mengubah diri sendiri" katanya. Kepakarannya dalam menghasilkan ilustrasi sindiran mendapat perhatian umum khususnya pengiat seni.

Pawel Kuczynski telah mendapat beratus anugerah dan hadiah. Sebilangan besar karya seninya membincangkan tema serius seperti kemiskinan, ketamakan, politik dan kematian/. Walaupun subjeknya jelas, gaya ilustrasinya aneh dan kartun. Kesanya, karya yang dihasilkan Pawel memberi tamparan yang hebat dan menjadikan karyanya menarik untuk dianalisis.

Kesimpulanya, pawel kuczynski merupakan artis yang seringkali menghasilkan karya-karya berbentuk kartun dengan memasukan elemen sindiran ke dalamnya. Beliau mendapat inspirasi daripada pemerhatian yang sering dilakukan dengan melihat tingkah laku dan kelakuan manusia. Oleh itu, kajian ini akan memfokuskan bagi menganalisis salah satu karya beliau bertajuk 'President, (2018)' dengan menggunakan pendekatan kritikan Feldmen bagi menghuraikan maksud sebenar karya tersebut.

2.5 Kritikan Seni

Pepper (1996) menyatakan, kritikan seni merupakan satu bidang ilmu yang penting. Kritikan adalah satu proses untuk mentafsir atau menguraikan sesuatu karya, dimana ia tidak dapat ditafsir dengan hanya melihat menggunakan mata kasar. Justeru itu, kritikan terhadap sesebuah karya seni adalah sesuatu kegiatan membaca dan menghayati karya untuk mengetahui maksud serta makna tersirat dan tersurat mengikut gambaran pengkarya.

Kritikan seni merupakan suatu kaedah apresiasi terhadap karya yang dilaksanakan oleh pengkarya sejak turun temurun. Kaedah ini wajib dilakukan bagi mendapatkan penerangan yang jelas berkenaan apa yang hendak disampaikan. Oleh itu, audien atau individu yang melihat dan membaca karya seni akan membuat huraian makna yang logik berbentuk kritikan berdasarkan kefahaman mengikut pengalaman dan idea masing-masing bagi memahami maksud darinya ia secara tidak langsung dapat membantu usaha pengkarya untuk menyebarkan buah fikirannya yang terpendam.

Kesimpulanya, Kritikan seni merupakan suatu kaedah penting yang dilaksanakan bagi menguraikan atau mentafsir maksud serta makna tersirat dan tersurat sesebuah karya. Langkah ini dilakukan agar karya yang dihasilkan dapat memberi penjelasan dan pengetahuan yang jelas kepada audien.

2.6 Pendekatan Kritikan Feldman

Menurut Natemen (1994). Beliau menjelaskan beberapa teori berkaitan kritikan seni yang digunakan bagi menganalisis sebuah karya. Kritikan seni dibawa oleh tokoh-tokoh dunia yang terkenal, mereka memperkenal beberapa jenis teori seperti kritikan ekspresif, kritikan impresionistik, kritikan imitationalis, dan kritikan formalis.

Kritikan ekspresif ialah kritikan yang cuba melihatkan pertalian atau hubungkait antara karya dan seniman, manakala kritikan impresionistik ialah kritikan yang melahirkan sikap dan perasaan secara spontan tanpa mengira disiplin ilmu seni. Kritikan imitationalis ialah sat proses menganalisis sesuatu karya dengan menggunakan konsep plagiat. Seterusnya, kritikan formalis adalah kritikan yang menumpukan kepada intrinsic karya.

Konsep yang dibawa oleh tokoh teori diatas kurang atau tidak memenuhi kepentingan mengkritik sesuatu karya, oleh hal itu pendekataan teori kritikan Feldman digunakan oleh para pengkritik pada ketika ini. Teori tersebut telah diperkenalkan oleh Edmund Burke Feldman dimana ia dijadikan sebagai panduan. Pendekatan ini yang hanya bergantung pada kecekapan persepsi pengkritik sepelemanya menurut Ragans:-

“Art criticism is a four-step process for using your perception skills get deeply involved in a work of art”

Empat proses untuk melihat secara mendalam karya seni yang dicadangkan oleh beliau iaitu *describe, analyse, interpret* dan *judge*. Kelebihan pendekatan ini sepelemanya penjelasan Carrol (Ahmad. 2012) mampu menemui makna yang tersembunyi dalam karya seni. Proses secara sistematik tersebut dapat menjawab persoalan penting:

“As you go through the steps of description and analysis, you will collect facts and clues. When you get interpretation, you will make guesses about what message you think the artwork is communicating. Finally, during judgement, you will make your own decisions about the artistic merit of the work”.

2.7 Artis Rujukan

Antara artis seni yang dijadikan sebagai rujukan pengkaji ialah Mohd Shaimy Hashim. Beliau merupakan artis yang mengutarakan pandangan beliau melalui medium seni lukisan surealis. Karya-karya yang dihasilkan beliau mengaitkan isu semasa bagi tujuan membuka mata masyarakat tentang kehidupan alam yang perlu dilindungi serta dipelihara.

2.6.1 Mohd Shaimy Hashim


Mohd Shaimy Hashim merupakan artis kelahiran Pahang, Malaysia. Beliau lahir pada 15 april 1953 di Kampung Puchong, Pekan, Pahang. Beliau mendapat pendidikan menengah di SMK Abdul Rahman Talib (SMART), Sungai Lembing, Kuantan. Seterusnya, selepas menamatkan pengajian menengah beliau telah melanjutkan pengajian ke Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang dan akhirnya berjaya menamatkan pengajiannya dengan memperoleh Sijil Seni Kreatif, Seni Halus (USM) pada tahun 1981.

Beliau tidak asing kepada seni lukis negeri Pahang malah di pantai timur amnya. Encik Mohd Shaimy Hashim telah berkhidmat di dalam dunia seni surealis lebih dari 40 tahun, beliau bukan sahaja seorang artis biasa. Beliau turut memegang jawatan pentadbir persatuan seni yang disegani iaitu Pengurus Senika (Persatuan Seni Lukis dan Seni Reka Pahang) dan GAP (Gabungan Persatuan Pelukis Malaysia).

Beliau merupakan artis seni halus yang berpengalaman dari segi menciptaan karya bercirikan surrealisme. Menurut Faizal Sidik, "Saya telah meninjau perkembangan Shaimy Hashim sejak tiga dekad yang lalu beliau menghabiskan masa di dalam ruang alam bawah sedar, alam mimpi, separuh sedar, alam fantasi dan dalam istilah tempatan mereka suka menyebut orang yang hidup atau masuk didalam 'alam bunian'. Masuk ke alam bunian disini bukanlah bermaksud secara langsung berinteraksi dengan mereka namun sebagai rakaman bentuk dan dokumentasi masa.

Kesimpulanya, artis surealis Mohd Syaimy Hashim merupakan suatu nama besar di arena seni halus negara. Beliau memanfaatkan pengalaman dan kegigihan dalam menghasil produk

lukisan yang bermutu, disamping meneroka ke dalam aliran surealis dengan lebih mendalam bagi mengeluarkan idea serta kaedah yang relevan pada zaman ini.



'Gerbang di Tebing Juram' (1989) oleh Mohd Shaimy Hashim.

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

BAB 3

KAEDAH PENYELIDIKAN

3.0 Metodologi

BA Bakar, Y Muhamed, (2013). "Metodologi adalah satu alternatif yang digunakan untuk menjalankan kajian terhadap subjek kajian tertentu". Dalam kajian ini, metodologi yang digunakan ialah penggunaan kaedah kualitatif bagi mencapai objektif kajian. Beberapa kaedah yang bakal digunakan dalam menganalisis dan mengetengahkan bukti untuk menyokong permasalahan kajian telah dikenalpasti.

3.1 Reka Bentuk Kajian

Metodologi merupakan satu rangka kajian yang dicipta bagi memudahkan proses mencapai objektif kajian. Dengan adanya metodologi kajian yang dilakukan akan lebih berstruktur dan tersusun. Kaedah yang digunakan didalam kajian ini ialah kaedah kualitatif di mana pengkaji akan melakukan proses menganalisis karya-karya terpilih dan menggunakan beberapa rujukan dari sumber artikel di laman web rasmi.

3.2 Sumber data

Menurut Kamus Dewan bahasa dan Pustaka (2017), "data diuraikan sebagai maklumat atau fakta tentang sesuatu yang diketahui dengan betul atau dikumpulkan untuk dijadikan asas sesuatu kesimpulan". Dalam maksud lain data ialah himpunan fakta mengenai

sesuatu benda atau kejadian yang terdiri daripada perkataan, angka atau gambar. Dalam kajian ini data dikumpulkan melalui perolehan maklumat menggunakan kaedah sekunder.


1) Internet

Dalam tinjauan di dalam alam maya pula, ia dapat membantu pengkaji untuk memperoleh maklumat berkaitan tajuk yang hendak dikaji. Maklumat tersebut didapati melalui artikel akhbar, tesis, jurnal dan gambar berkaitan kajian lepas yang terdapat di laman sesawang.

Bentuk Data	Lokasi	Cara mendapatkan data
1) Data dokumen bertulis (Artikel)	Internet (web)	Salinan, catatan
2) Data dokumen bertulis (Tesis)	Internet (web)	Salinan, catatan
3) Data dokumen bertulis (Jurnal)	Internet (web)	Salinan, catatan

Jadual 3.1: Jadual bentuk data

3.3 Proses kajian



Rajah 2

Rajah di atas merupakan proses untuk menjalankan kajian ini. Tujuan rajah tersebut dibuat bagi memudahkan proses merancang penyelidikan kajian dilakukan agar berjalan dengan lancar mengikut perancangan. Bentuk kajian yang bakal dijalankan akan menggunakan kaedah kualitatif di mana kajian ini memerlukan pelbagai maklumat bagi menyokong isi kajian sesuai dengan subjek kajian.

3.4 Analisi data

Kaedah pengumpulan data adalah dengan menggunakan model Kritikan Feldmen. Kaedah ini digunakan dalam menganalisis karya yang dihasilkan oleh Adeputra Masri yang bertajuk (TIPU, 2017), Ahmad Fuad Osman yang bertajuk (Study, 2009), Gatot Indrajati yang bertajuk (Imaging, 2018), dan Pawel Kuczynski yang bertajuk (President, 2018). Kaedah tersebut dipilih kerana bersesuaian untuk menganalisa unsur-unsur media massa yang terdapat pada keempat karya tersebut dan seterusnya akan dibincangkan pada Bab 4 Hasil Dapatan.

Diskripsi	<ul style="list-style-type: none"> • Diskripsi menekankan pemerhatian karya secara keseluruhan. <ol style="list-style-type: none"> 1. Siapakah artis yang menghasilkan karya? 2. Tajuk karya? 3. Medium/platform yang digunakan? 4. Apakah subjek matter yang dilihat?
Analisis	<ul style="list-style-type: none"> • Hubungan antara unsur seni prinsip rekaan karya tersebut. <ol style="list-style-type: none"> 1. Apakah latar depan, pertengahan latar dan latar belakang karya tersebut? 2. Apakah objek yang digunakan dan nyatakan maksud? 3. Apakah unsur seni yang digunakan? 4. Adakah terdapat pengaruh media massa dalam karya?
Interpretasi	<ul style="list-style-type: none"> • Interpretasi ialah pandangan, idea, kritikanaudien terhadap sesbuah karya/ <ol style="list-style-type: none"> 1. Adakah pendapat dalam karya tersebut? 2. Bagaimanakah hubungan antara subjek matter dengan platform yang digunakan? 3. Sejarah artis tersebut yang mempengaruhi persekitaran karya?
Penilaian	<ul style="list-style-type: none"> • Audien/pengkaji memberikan kata putus samada mereka menerima atau tidak karya yang dihasilkan. <ol style="list-style-type: none"> 1. Adakah pendapat tentang karya ini diterima?

- | | |
|--|--|
| | 2. Berikan pendapat atau pandangan bagi membantu artis mengetahui kelemahan/kekuatan karya dihasilkan. |
|--|--|

Jadual 3.2: Jadual Model Kritikan Feldmen



UNIVERSITI
—
MALAYSIA
—
KELANTAN

BAB 4

HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN

4.1 Pengenalan

Bab ini menerangkan dengan lebih lanjut berkaitan hasil dapatan dalam kajian ini. Bahagian ini menghubungkan dengan objektif kajian yang telah digariskan. Kajian telah dilakukan pada karya Adeputra Masri, Ahmad Fuad Osman, Gatot Inderajati, dan Pawel Kuczynski yang telah dipilih untuk dianalisis. Analisis telah dilakukan melalui pendekatan Kritikan Feldmen sebagai satu kaedah kritikan terhadap sesebuah karya. Oleh itu, data daripada proses tersebut ia akan dapat mewujudkan suatu ruang interaksi yang menarik kepada audien bagi melihat penyampaian idea dan konsep karya tersebut dapat difahami dengan lebih mudah.

Melalui sumber kajian yang dianalisis sedikit sebanyak maklumat mengenai aspek penting yang berkaitan dengan karya berbentuk sindiran menggunakan pengaruh media massa kepada masyarakat telah didapati dan seterusnya diterapkan dalam penghasilan karya akhir.

4.2 Pendekatan Kritikan Seni; Model Kritikan Feldmen

Menurut Natemen (1994). Beliau menjelaskan beberapa teori berkaitan kritikan seni yang digunakan bagi menganalisis sesebuah karya. Kritikan seni dibawa oleh tokoh-tokoh dunia yang terkenal, mereka memperkenal beberapa jenis teori seperti kritikan ekspresif, kritikan impresionistik, kritikan imitationalis, dan kritikan formalis.

Kritikan ekspresif ialah kritikan yang cuba melihatkan pertalian atau hubungkait antara karya dan seniman, manakala kritikan impresionistik ialah kritikan yang melahirkan sikap dan perasaan secara spontan tanpa mengira disiplin ilmu seni. Kritikan imitationalis ialah sat proses menganalisis sesuatu karya dengan menggunakan konsep plagiarism. Seterusnya, kritikan formalis adalah kritikan yang menumpukan kepada intrinsic karya.

Konsep yang dibawa oleh tokoh teori diatas kurang atau tidak memenuhi kepentingan mengkritik sesuatu karya, oleh hal itu pendekataan teori kritikan Feldman digunakan oleh para pengkritik pada ketika ini. Teori tersebut telah diperkenalkan oleh Edmund Burke Feldman dimana ia dijadikan sebagai panduan. Pendekatan ini yang hanya bergantung pada kecekapan persepsi pengkritik sepertimana menurut Ragans:-

“Art criticism is a four-step process for using your perception skills get deeply involved in a work of art”

Empat proses untuk melihat secara mendalam karya seni yang dicadangkan oleh beliau iaitu *describe, analyse, interpret* dan *judge*. Kelebihan pendekatan ini sepertimana penjelasan Carrol (Ahmad. 2012) mampu menemui makna yang tersembunyi dalam karya seni. Proses secara sistematik tersebut dapat menjawab persoalan penting: (rujuk jadual 3.2).

“As you go through the steps of description and analysis, you will collect facts and clues. When you get interpretation, you will make guesses about what message you think the artwork is communicating. Finally, during judgement, you will make your own decisions about the artistic merit of the work”.

4.3 Data

	Diskripsi
Karya 1 (TIPU, 2017)	<ul style="list-style-type: none"> • Karya Adeputra Masri. • Dihasilkan pada tahun 2017. • Bertajuk T1PU. • Tema aliran surreal • Medium yang digunakan ialah cat minyak atas kanvas.
Karya 2 (Study, 2009)	<ul style="list-style-type: none"> • Karya Ahmad Fuad Osman. • Dihasilkan pada tahun 2009. • Tema surreal. • Bertajuk Study. • Medium yang digunakan ialah cat akrilik atas kanvas.
Karya 3 (Imaging, 2018)	<ul style="list-style-type: none"> • Karya Gatot Inderajati. • Dihasilkan pada tahun 2018. • Tema Surealis • Bertajuk Imaging. • Medium yang digunakan ialah cat air atas kertas canson.
Karya 4 (President, 2018)	<ul style="list-style-type: none"> • Karya Pawel Kuczynski. • Dihasilkan pada tahun 2018. • Tema Surealis. • Bertajuk President. • Medium yang digunakan ialah digital ilustrasi.

Jadual 4.1: Data Kajian

	Analisis
Karya 1 (TIPU, 2017)	<ul style="list-style-type: none"> • Latar depan ialah tulisan 'T1PU'. • Latar tengah figura tokoh politik. • Latar belakang ialah bentuk mikrofon sebagai simbol bersuara lantang. • Objek yang digunakan ialah figura manusia iaitu tokoh politik yang sedang bercakap/menerangkan. • Karya ini mengambarkan garisan kasar dan beralun dalam menghasilkan seni rupa dalam karya. • Karya yang berkaitan pengaruh media massa digunakan. • Maksud seperti apa yang disampaikan ialah pembohongan semata-mata atau janji manis semata-mata. • Menggunakan warna yang suram menimbulkan suasana sedih atau kecewa.
Karya 2 (Study, 2009)	<ul style="list-style-type: none"> • Latar depan ialah tokoh politik penting pada masa lalu seperti Adolf Hitler, Osama bin Laden, George W. Bush, Ehud Olmert, sadam hussein dan lain-lain. • Latar tengah ialah objek tengkorak manusia • Latar belakang ialah petikan perkataan dari buku '<i>Theory On population</i>' oleh Thomas Malthus's. • Unsur ruang digunakan untuk menonjolkan subjek utama tersebut. • Menggunakan warna coklat perang dan hitam.

	<ul style="list-style-type: none"> Menimbulkan suasana yang suram seperti kenangan pahit semasa era mereka. Tiada pengaruh media massa digunakan.
Karya 3 (Imaging, 2018)	<ul style="list-style-type: none"> Latar depan ialah sepasang suami isteri digunakan. Latar tengah ialah pelbagai figura manusia, flora, fauna dan objek tidak bernyawa.. Latar belakang ialah objek mata yang memerhati. Karya ini menggunakan garisan halus bagi menghasilkan rupa realistik dalam bentuk kartun. Menggunakan warna cerah untuk menunjukkan suasana ceria. Menimbulkan suasana yang pelik dan membingungkan. Mempunyai pengaruh media massa.
Karya 4 (President, 2018)	<ul style="list-style-type: none"> Latar depan burung dengan wajah Donald trump. Latar tengah gambaran logo twitter. Latar belakang warna putih. Unsur garisan tebal dan halus bagi menghasilkan seni rupa tersebut. Warna pada subjek utama difokuskan bagi menonjolkannya secara langsung. Menimbulkan rasa sindiran kepada orang tersebut. Terdapat pengaruh media massa pada karya.

Jadual 4.2: Data Kajian

	Interpretasi
Karya 1 (TIPU, 2017)	<ul style="list-style-type: none"> • Sebuah karya yang menyindir ahli politik secara terang-terangan. • Tulisan T1PU, jelas menunjukkan karakter subjek utama terbabit berdasarkan pemerhatian rakyat secara tersiratnya. • Karya ini mewakili perasaan rakyat yang tidak menerima janji-janji manis. • Karya beliau memberi impak besar dalam pemikiran audien walaupun menggunakan kaedah penyampaian lukisan yang agak tradisional namun masih dapat diterima pakai maksud karya beliau.
Karya 2 (Study, 2009)	<ul style="list-style-type: none"> • Sebuah karya yang padat dengan tokoh penting pada era kekuasaan mereka. • Tokoh ini memberi impak besar dalam perubahan sejarah tamadun manusia. • Tokoh tersebut banyak menyebabkan kesengsaraan kepada umat manusia atas kepentingan ideologi dan bertanggungjawab terhadap kematian berjuta-juta nyawa dan harta benda. • Karya yang ditonjolkan oleh Ahmad Fuad memberi impak besar kepada audien, mereka dapat mengenali peranan besar tokoh tersebut dalam perperangan dan kesensaraan dengan menggunakan pengaruh politik, media massa, dan ketenteraan bagi membunuh manusia.
Karya 3 (Imaging, 2018)	<ul style="list-style-type: none"> • Sebuah karya yang janggal dan luar biasa untuk diperhatikan. • Karya tersebut memberi gambaran manusia moden pada zaman sekarang yang berpendapat kesemua aktiviti sehari-hari

	<p>yang dilakukan patut diketahui oleh semua orang di dalam media sosial.</p> <ul style="list-style-type: none"> • Walaubagaimanapun, tangapan itu salah, kerana orang lain tidak peduli kepada apa yang dilakukan olehnya. • Karya tersebut dipengaruhi oleh sifat pengkarya yang sering menilai kehidupan atau keadaan manusia moden pada ketika ini. • Seperti membuat sesuatu untuk mendapat perhatian atau pujian tanpa berfikiran dengan lebih matang.
Karya 4 (President, 2018)	<ul style="list-style-type: none"> • Sebuah karya yang bersifat sindiran. • Tokoh politik Amerika Syarikat iaitu Donald Trump yang banyak terpalit dengan kontroversi dan salah laku. • Seorang yang sering menggunakan aplikasi <i>twitter</i> untuk mengecam atau memberitahu sesuatu secara tidak jujur. • Beliau mempunyai karakter yang pelik kerana sering menggunakan media sosial bagi membangkitkan kemarahan rakyat dan masyarakat dunia terhadap tindakannya yang ceroboh namun tetap berasa selesa dengan keadaan tersebut. • Karya ilustrasi dipengaruhi oleh media massa yang menonjolkan karakter kebudak-budakan orang berumur pada masa kini.

Jadual 4.3: Data Kajian

	Penilaian
Karya 1 (TIPU, 2017)	<ul style="list-style-type: none"> • Pada pendapat saya, karya ini berjaya membawa maksud dan kritikan sosial yang ingin disampaikan melalui cara penyampaian yang betul dan berkesan. Oleh itu, karya ini telah menonjolkan kritikan dan sindiran yang sinis kepada mana-mana ahli politik yang bersifat sedemikian.
Karya 2 (Study, 2009)	<ul style="list-style-type: none"> • Pada pendapat saya, dengan bantuan perkataan dan tengkorak manusia yang ditonjolkan dapat memberi info kepada audien untuk mengetahui maksud yang ingin disampaikan. Oleh itu, karya ini berjaya untuk memberitahu subjek utama ‘tokoh’ melalui pembacaan biodata mereka supaya masyarakat mengenali orang yang bertanggungjawab terhadap perperangan di masa lalu.
Karya 3 (Imaging, 2018)	<ul style="list-style-type: none"> • Pada pendapat saya, subjek utama, subjek latar tengah dan belakang itu telah berjaya menyampaikan maksud sebenar pengkarya kepada audien. Hal ini secara tidak langsung mengubah persepsi audien supaya tidak terlalu mengejar perhatian dan kehidupan moden yang sia-sia. Amalan media sosial yang keteraluan menyebabkan kehidupan biasa menjadi lebih sukar.
Karya 4 (President, 2018)	<ul style="list-style-type: none"> • Pada pendapat saya, penggunaan sindiran logo aplikasi tersebut berjaya menonjolkan sifat dan perwatakan subjek utama terbabit. Oleh hal demikian, maksud yang ingin disampaikan tersebut memberi kesedaran kepada audien

Jadual 4.4: Data Kajian

4.2.1 Diskripsi

Apabila menilai sesebuah karya yang berbentuk kritikan. Aspek pertama yang perlu dilihat ialah diskripsi. Diskripsi akan menerangkan elemen umum yang telah diaplikasikan pengkarya dalam karyanya. Antara elemen yang dibincang dalam diskripsi sesebuah karya menurut Feldman ialah nama artis, tajuk, tahun dicipta, dan medium yang digunakan bagi menghasilkan karya tersebut. Sesuatu yang mudah seperti tajuk boleh mengubah keseluruhan seni rupa daripada lukisan (Feldman, 1994).

Contoh pertama, dalam karya T1PU, 2017. Karya Adeputra Masri dihasilkan pada tahun 2017 yang bertajuk T1PU. Karya yang dihasilkan ini menggunakan aliran aliran surealis sebagai gayanya. Medium yang digunakan ialah cat minyak atas kanvas.

Contoh kedua, dalam karya Study, 2009. Karya yang dihasilkan oleh Ahmad Fuad Osman yang bertajuk Study diciptakan pada tahun 2009. Karya ini menggunakan aliran surealis. Medium yang digunakan ialah cat minyak atas kanvas.

Contoh ketiga, ialah dalam karya Imaging, 2018. Karya tersebut merupakan hasil ciptaan Gatot Indrajati pada tahun 2018 diberi tajuk Imaging. Karya ini menggunakan aliran surealis. Medium yang digunakan bagi mencipta karya tersebut ialah cat air yang dilukis atas kertas canson.

Contoh terakhir, ialah karya President, 2018. Karya tersebut telah diciptakan oleh artis ilustrasi Poland iaitu Pawel Kuczynski pada tahun 2018. Karya ini juga menggunakan aliran surealis dalam penceritaan keseluruhan makna. Medium yang digunakan bagi menghasilkan karya terbabit adalah medium secara digital ilustrasi.

4.2.2 Analisis

Menurut (Feldman, 1994 p.26). “*analyzing the facts (dealing evidence) is an advanced type of description*” hanya akan dapat diketahui setelah membuat andaian diskripsi yang pertama iaitu gambaran secara umum sesebuah karya. Berikut merupakan hasil dapatan model kritikan Feldman dalam aspek analisis.

Analisis yang dikenalpasti dalam karya Adeputra Masri yang bertajuk T1PU, 2017 menggunakan elemen media massa dalam karya tersebut. Objek utama yang dikenalpasti adalah seorang tokoh politik yang sedang berpidato atau menyampaikan sesuatu. Seterusnya mengenalpasti dari segi latar depan, latar tengah dan latar belakang. Latar depan terpapar tulisan ‘T1PU’ yang telah dilakar dengan warna hitam dan putih. , latar tengah menonjolkan figura manusia atau ahli politik yang sedang bercakap dan latar belakang berbentuk mikrofon atau objek mewakili suara yang. Karya ini menggunakan garisan kasar dan beralung secara keseluruhan menjadikan karya tersebut terlihat unik dan pelik pada masa yang sama. Penggunaan warna yang suram turut menimbulkan suasana sedih dan kecewa apabila melihat karya tersebut.

Contoh karya yang kedua ialah karya Ahmad Fuad Osman bertajuk Study, 2009. Objek utama yang dikenalpasti adalah sekumpulan tokoh-tokoh politik dunia yang disusun secara segi empat dan diisis dengan ucapan atau kata hikmah dari buku ‘Teory On Population’ oleh Thomas Malthus’s. Latar depan adalah Potret wajah realistik tokoh-tokoh politik pada era perang dunia pertama sehingga abad ke 21. Latar tengah adalah objek tengkorak manusia dan latar belakang adalah petikan tulisan oleh Thomas Malthus berkenaan teori populasi. Unsur ruang digunakan secara tersusun bagi menghormati atau memberi gambaran secara terus tentang rupa tokoh-tokoh terbabit dengan sokongan seni lukis realistik. Penggunaan warna coklat perang dan hitam menimbul suasana suram dan pengetahuan kepada audien bahawa tokoh tersebut telah tiada namun kekejaman yang dilakukan dapat dirasai sehingga kini.

Seterusnya karya yang ketiga ialah Imaging, 2018 oleh Gatot Indrajati. Karya tersebut berlatar depan sepasang suami isteri manakala latar tengah adalah pelbagai figura manusia, flora, fauna dan objek yang tidak bernyawa dan akhir sekali latar belakang ialah objek mata yang sedang memerhati pada pasangan terbabit. Karya ini menggunakan elemen realistik pada rupa kartun pada keseluruhan karya. Selain itu, pengkarya menggunakan warna yang cerah pada setiap sudut bagi menarik perhatian pemerhati. Pengaruh atau elemen media massa turut dibawa dalam karya Imaging, 2018 dan memberi maksud sindiran pada masyarakat pada zaman moden ini.

Contoh ketiga ialah karya President, 2018 oleh Pawel Kuczynski. Pengkarya telah menonjolkan lukisan ilustrasi sindiran kepada tokoh politik Amerika Syarikat tersebut. Latar depan ialah wajah Donald Trump manakala latar tengah adalah logo aplikasi twitter yang sering digunakan beliau. Unsur ruang dan warna cerah digunakan bagi menonjol subjek utama dalam karya supaya lebih menarik perhatian audien.

4.2.3 Interpretasi

Interpretasi adalah hubungan antara karya, hasil daripada dapatan kaedah diskripsi dan analisis sesebuah karya. Idea yang diutarakan tidak melambangkan kesalahan kerana ia merupakan proses ataupun seseorang terhadap sesebuah karya.

Dalam karya Adeputra Masri yang bertajuk TIPU, 2017. Sebuah karya kritikan sosial bagi menyindir ahli politik yang sering tidak jujur pada perbuatanya. Audien melihatnya pada padangan rakyat yang tidak menyukai kelakuan atau perilaku yang ditunjukan subjek utama dalam karya. Karya ini menimbulkan spekulasi terhadap suasana politik tanah air yang sangat membimbangkan. Pengkarya masih mengekalkan identiti tradisional dalam karya beliau walaupun kritikan sosial tersebut ditujukan pada tokoh politik pada masa kini. Unsur

seni surealis membangkitkan perasaan janggal dan pelik dengan melihat garisan beralun pada rupa keseluruhan karya.

Seterusnya, dalam karya Ahmad Fuad Osman yang bertajuk Study, 2009. Sebuah karya yang memaparkan tokoh-tokoh politik dunia pada masa yang lalu. Warna minima hitam dan putih memberi maksud bahawa era mereka telah berlalu namun maksud tersirat ialah sejarah yang dihasilkan di atas perbuatan mereka tidak dapat dipadam dan dilupakan oleh tamadun manusia kini. Tulisan atau petikan ayat tentang Teori Populasi menunjukkan mereka bertanggungjawab terhadap pengurangan jumlah besar manusia pada masa kini. Karya yang ditonjolkan oleh pengkarya memberi impak yang besar kepada audien, ia secara tidak langsung memaksa audien untuk mencari maklumat berkaitan tokoh tersebut.

Seterusnya, contoh karya ketiga iaitu Imaging, 2018 oleh Gatot Indrajati. Penyampaian karya tersebut dilihat adalah berunsur surealis dimana pengkarya menonjol ekspresi janggal dan luar biasa untuk diperhatikan. Karya ini memberi gambaran manusia moden pada zaman sekarang yang berpendapat kesemua aktiviti seharian yang dilakukan patut diketahui oleh semua orang di dalam media sosial. Walaubagaimanapun, tanagapan tersebut salah, kerana orang pada masa kini tidak memperdulikan hal orang lain. Karya tersebut mempunyai ciri pengaruh dari karakter pengkarya yang selalu melihat dan menilai tingkah manusia semasa di kehidupan seharian.

Akhir sekali, menerusi karya Paweł Kuczynski iaitu President, 2018. Karya tersebut menggunakan medium ilustrasi digital, dimana karya yang dihasilkan beliau berbentuk sindiran dalam unsur surealis. Kritikan sosial tersebut ditujukan kepada seorang individu di dalam politik Amerika Syarikat iaitu Donald Trump. Seni rupa yang berbentuk sindiran disampaikan menerusi teknologi media massa yang mempunyai berjuta-juta pengguna aktiviti. Pengkarya mempunyai kencenderungan untuk menghasilkan karya berbentuk kritikan sosial bagi menyampaikan mesej kepada audien berdasarkan penilaian dan pandangan beliau.

4.2.4 Penilaian

Penilaian adalah kaedah yang terakhir dalam model Kritikan Feldman. Dalam aspek penilaian, elemen yang dibincangkan adalah pandangan tentang adakah karya yang dihasilkan seseorang artis diterima, dikritik, atau ditolak.

Karya pertama iaitu TIPU, 2017 oleh Adeputra Masri. Karya ini berjaya membawa maksud dan kritikan sosial yang ingin disampaikan melalui cara penyampaian yang betul dan berkesan. Sindiran secara terus yang dipaparkan pada karya tersebut mempunyai nilai yang perlu diambil perhatian terutama kepada pihak berkempetingan khususnya, secara tidak langsung berjaya menarik perhatian serta mendidik audien untuk menghayati dan menilai maksud yang dibawa.

Seterusnya, karya bertajuk Study, 2009 oleh Ahmad Fuad Osman. Karya ini berjaya menarik perhatian pengkaji dan audien melalui penyampaiannya secara keseluruhan. Unsur-unsur seram atau surealis yang dibawa secara tidak langsung menarik perhatian audien untuk menilai maksud yang dibawa dan mengenali tokoh-tokoh yang dipaparkan.

Selain itu, karya bertajuk Imaging, 2018 oleh Gatot Indrajati. Penilaian yang dikaitkan ialah karya ini berjaya membawa maksud dan menonjolkan keadaan atau norma masyarakat moden pada ketika ini. Unsur surealis yang diterapkan pada karya telah menarik perhatian audien bagi mengenali konsep dan maksud yang ingin disampaikan.

Contoh yang terakhir, iaitu karya yang bertajuk President, 2018 oleh Pawel Kuczynski. Karya ini berjaya memaparkan kritikan sosial atau sindiran secara terus. Elemen surealis yang dibawa menjadikan karyanya unik dan menarik. Pengaruh media massa yang dibincangkan dalam karya beliau telah menarik perhatian audien untuk menilai dan menghayati karya terbabit.


Oleh itu, hasil daripada dapatan kajian dengan model kritikan Feldman dalam keempat karya yang dipilih telah dikenalpasti. Hasil daripada ini telah mengetahui bahawa artis-artis

tersebut mempunyai persamaan dari segi maksud penyampaian walaupun mempunyai gaya lukisan yang berbeza. Persamaan yang dapat dikesan adalah dari segi penyampaian yang berunsur kritikan sosial. Perkara ini dapat dilihat pada karya TIPU, 2017 dan President, 2018 yang memberi kritikan sosial kepada individu politik. Seterusnya, karya Imaging, 2018 yang menonjolkan unsur kritikan sosial kepada masyarakat kini dan juga karya Study, 2009 yang memberi kritikan sosial kepada tokoh-tokoh pada masa lalu di atas perbuatan mereka. Seterusnya, penilaian yang dibuat berdasarkan teori kritikan Feldmen ini berjaya mengenalpasti elemen pengaruh media massa yang digunakan dalam karya tersebut, namun elemen tersebut perlu diperhatikan dengan lebih teliti supaya tidak terlepas pandang oleh segelintir audien. Maksud mendalam yang dibawakan oleh artis terpilih mengangumkan kerana setiap daripada karya yang dibawa mempunyai gaya yang tersendiri sebagai contoh karya TIPU, 2017 oleh Adeputa yang masih mengekalkan ciri-ciri rupa tradisional di setiap karya beliau.

Sebagai kesimpulannya, karya yang dihasilkan oleh Andeputra Masri, Ahmad Fuad Osman, Gatot Indrajati, dan Pawel Kuczynski telah dipastikan sebagai berbentuk kritikan kepada masyarakat. Pengaruh media massa turut digunakan bagi menyampaikan mesej sindiran kepada audien pada era ini.

4.3 Penghasilan karya akhir daripada sumber kajian.

Hasil daripada dapatan kajian menerusi Model Kritikan Feldman, pengkaji telah mengenalpasti konsep dan idea yang telah digunakan oleh artis terpilih. Setiap artis tersebut telah menekankan konsep kritikan sosial di dalam karya yang dihasilkan mereka. Oleh itu, hasil daripada dapatan ini telah membentuk idea kepada pengkarya untuk menghasilkan sebuah karya yang menggunakan platform lukisan atas kanvas dengan unsur aliran surrealisme.



Tajuk: *Feelings*, 2021

Medium Digital Ilustrasi

Karya yang dihasilkan hasil daripada menganalisa karya artis terpilih yang menekankan konsep kritikan sosial pada masyarakat di persekitaran kita. Selepas pengkaji mengamati suasana kehidupan masyarakat moden masa kini. Pengkaji melihat terlalu sesetengah wanita diluar sana meluahkan isi hati di tempat umum bagi mendapat perhatian melalui media sosial. Situasi ini janggal pada pendapat penkaji, istilah privasi di abaikan hal ini mengurangkan nilai terhadap peribadi diri seseorang, berbanding masyarakat sebelum adanya gadget itu tersebut tidak berlaku kerana tidak ada platform khusus bagi meminta pendapat umum. Perkataan ‘censored’ yang di paparkan memberi makna tapisan di dalam kamus bahasa melayu, pengkaji melihat wajar semua insan lebih tabah dan menjadi insan kuat yang mampu menyelesaikan masalah tanpa perlu bergantung kepada masyarakat, konsep meluahkan perasaan secara umum mendedah peribadi seseorang terhadap masalah yang dihadapi dan dianggap lemah dari sudut untuk menyelesaikan masalah.

Oleh itu, hasil daripada pengalaman dan pandangan peribadi, pengkaji telah menghasilkan satu karya berbentuk sindiran terhadap norma masyarakat ketika ini melalui medium digital ilustrasi dengan menggunakan gaya seni surrealisme dalam penyampaian makna karya.

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN



Tajuk: *PENCETUS*, 2021

Medium Cat Akrilik atas kertas

Karya kedua yang dihasilkan ini hasil daripada analisa karya artis terpilih yang membawa isu semasa dalam kontek kritikan sosial. Karya ini dihasilkan mengikut pengamatan terhadap masyarakat melalui platform media massa. Pengkaji ingin menekankan konsep mesteri di dalam karya tersebut di mana fitnah dan makian di media sosial dilakukan secara berselindung. Maksudnya ia dilakukan dengan sikap mementingkan diri bagi menyebarkan sentimen fitnah serta kebencian dalam kalangan masyarakat sehingga menimbulkan isu atau masalah kepada pihak-pihak yang dituju. Hal ini dibuktikan dengan timbulnya masalah yang diperbesar-besarkan oleh segenlitir pihak yang memanipulasi dengan sengaja atau tidak. Pengkarya melihat sesetengah pendapat yang dilontarkan pada sesuatu isu tersebut dilakukan mengikut perasaan dan hawa nafsu sehingga mengabaikan

fakta dan kesanya. Masalah atau isu ini perlu diamati dan difahami agar ia tidak berulang pada kehidupan seharian diri masing-masing. Penghasilan karya ini secara tidak langsung memberi makna yang jelas kepada audien berkenaan makna tersirat dan tersurat yang hendak pengkarya sampaikan.

Karya yang kedua ini turut mempunyai perkataan ‘censored’ pada karya. Warna latar belakang memberi makna bahawa individu yang di anggap ‘keyboard warrior’ adalah berkarakter kasar dan mengikut emosi. Pengkarya turut menggunakan gaya surealis dalam penghasilan karya tersebut supaya dapat menarik dan menguji tahap analisis audien.

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

BAB 5

KESIMPULAN

Kajian ini dilakukan bagi memperoleh maklumat yang boleh menyokong objektif dan persoalan pengkaji dalam menghasilkan karya akhir yang berkualiti dan unik. Melalui kajian ini pengkaji dapat mengenalpasti konsep dan idea yang dibawa oleh Adeputra Masri, Ahmad Fuad Osman, Gatot Indrajati dan Pawel Kuczynski menggunakan kaedah kritikan Feldmen untuk menganalisis karya mereka.

Karya seni ini memerlukan sebuah tafsiran secara kritikal. Hal demikian kerana, setiap penghasilan karya mempunyai matlamat dan juga makna yang tersebuni. Oleh itu, melalui kajian ini dapat pengkaji rungkaikan maksud tersirat dan tersurat setiap karya yang dipilih. Model kritikan Feldman ini sangat membantu dalam melaksanakan tugas mentafsir sesebuah karya. Melalui langkah tersebut dapat pengkaji serta audien mengenali penceritaan sesebuah karya tersebut dengan lebih mendalam secara tidak langsung meningkatkan nilai karya seni terbabit dimata umum.

Seterusnya, pembinaan konsep dalam karya adalah tujuan asal karya ini ingin dihasilkan. Penghasilan karya yang menggunakan identiti diri dan pengalaman menjadikan seseorang itu dapat melihat, merasai dan mendalami karya yang dihasilkan.

Secara keseluruhannya, kajian ini dapat membuktikan bahawa terdapat pengaruh media massa yang diterapkan pada karya-karya tersebut melalui konsep kritikan sosial yang dibawa secara keseleruhan. Kelaian gaya penyampaian sesebuah karya itu menunjukkan artis seperti Adeputra Masri, Ahmad Fuad Osman, Gatot Indrajati dan Pawel Kuczynski mempunyai identiti tersendiri dalam mencipta karya yang bermutu hal ini secara langsung menjadikan setiap karya yang dihasilkan itu lebih unik dan berkualiti.

Rujukan

Gamal Thabroni, 2019. Diperoleh daripada <https://serupa.id/aliran-seni-lukis/>

Faizal Sidik, 2014. Artis Surealisme Mohd Shaimy Hashim diperoleh daripada <http://faizalsidik.blogspot.com/2014/09/mohd-shaimy-hashim-surealis-1981-2014.html>

Xavier Canonne, 2017. Rene Magritte The revealing image, diperoleh daripada <https://artblart.com/tag/leopold-magritte-and-regina-bertinchamps/>

Ahmad Alshad, 2017. Kehidupan dan Seni Surealis Belgia Rene Magritte. Diperoleh daripada <https://www.greelane.com/ms/kemanusiaan/seni-visual/rene-magritte-quick-facts-183375/>

Wikipedia, 2020. The Cubism. Diperoleh daripada <https://en.wikipedia.org/wiki/Cubism>

Wikipedia, 2020. The Cubism. Diperoleh daripada <https://en.wikipedia.org/wiki/Futurism>

Wikipedia, 2020. The Purism. Diperoleh daripada <https://en.wikipedia.org/wiki/Purism>

Linda On, 2021. Kesan Buruk gajet kepada remaja (Laporan Berita Harian Online). Diperoleh daripada <https://www.sinarharian.com.my/article/29098/LIFESTYLE/Sinar-Aktif/kesan-buruk-gajet>

Cineca, 2013. Metodologi Penyelidikan. Diperoleh daripada <http://ddms.usim.edu.my/handle/123456789/7081>

Dr. Ijad Madich, 2021. Diperoleh daripada <https://www.researchgate.net/publication/>

Adeputra art, 2019. Biodata tentang Adeputra. Diperoleh daripada

<https://www.saatchiart.com/adeputra>

Sodarjo, 2018. Artis seni ukir Gatot Indrajati. Diperoleh daripada

<https://www.artemisartgallery.com/gatot-indrajati/>

Sharja, 2018. Ahmad Fuad Osman. Diperoleh daripada <http://sharjahart.org/sharjah-art-foundation/people/osman-ahmad-fuad>

Melion Nardo, 2012. Brilliant Satirical Artwork by Pawel Kuczynski

<https://twistedsifter.com/2012/05/satirical-artwork-by-pawel-kuczynski/>

Feldman, E. (1987). Practical Art Criticism. Upper Saddle River, NJ : Prentice-Hall Inc

Haron.A. (2005). Kritikan Sosial Dalam Pasar Pengalaman oleh T.Alias Taib. Diperoleh daripada [https://psasir.upm.edu.my/5856/1/FBMK_2005_4\(1-24\).pdf](https://psasir.upm.edu.my/5856/1/FBMK_2005_4(1-24).pdf)

Syed Ahmad Jamal, 2010. Rupa dan Jiwa, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.